



PTAR “MEET & GREET” BERSAMA PENSYARAH

Oleh Sharin Sulaiman

Pada hari rabu 15 Mei 2024, jam 2.30 petang, satu sesi perjumpaan diantara pustakawan dan pensyarah telah di adakan di perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Samarahan 2. Sesi yang dinamakan sebagai “Meet & Greet” ini telah dihadiri oleh 20 orang pensyarah daripada Fakulti Perakaunan dan Pusat Pengajian Sains Maklumat. Perjumpaan dimulakan dengan ucapan aluan daripada Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Nur Afeqah binti Abdullah dan turut dihadiri oleh barisan pustakawan iaitu Encik Mohd Khairil Baharom bin Rosli, Cik Dayang Azimah binti Abang Yusof dan Puan Khairunnismah binti Othman.

Puan Nur Afeqah menerangkan tujuan pertemuan dilakukan adalah untuk mengeratkan silaturahim diantara pustakawan dan pensyarah. Selain itu, melalui pertemuan yang diadakan ini, pihak perpustakaan mengharapkan agar ianya dapat menjadi satu platform bagi berkongsi maklumat dan idea bagi menambah baik perkhidmatan kepada warga universiti.

Turut hadir bersama pada sesi ini ialah Dr Susan Hydra Sikayu selaku Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan dan Pengajian Sains Maklumat. Antara pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat yang hadir ialah Puan Norlida binti Ismailly, Puan Suriani binti Jack, Dr Hajah Imilia binti Ibrahim, Puan Sabariah binti Abd

Samad, En. Sharin bin Sulaiman, Ts Dr Mohd Rafiz bin Salji, Cik Suhaida binti Halamy, Puan Zainon binti Haji Bibi dan Cik Nor Hayati binti Kassim.

Setelah ucapan aluan disampaikan, sesi diteruskan dengan taklimat yang disampaikan oleh Encik Mohd Khairil Baharom bin Rosli. Antara intipati taklimat ialah pengenalan kepada perkhidmatan maklumat yang disediakan, penggunaan sumber maklumat perpustakaan samada dalam bentuk bercetak atau elektronik serta sistem maklumat yang boleh dimanfaatkan oleh para pensyarah untuk tujuan pengajaran, penulisan dan penyelidikan. Selain itu Encik Mohd Khairil Baharom juga diajukan beberapa soalan daripada para pensyarah terutama yang berkaitan dengan akses maklumat yang lebih mudah dan mesra pelanggan. Pihak perpustakaan turut menyambut baik sebarang bentuk kerjasama dalam penganjuran program yang melibatkan pihak perpustakaan dan pusat pengajian agar seiring dengan aras pembangunan perdana. Sesi “Meet & Greet” pada petang itu diakhiri dengan sesi bergambar di ruang atas Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Samarahan 2. Dengan berakhirnya sesi pertemuan ini, diharap PTAR dan Pusat Pengajian Perakaunan & Sains Maklumat akan mengorak langkah kerjasama yang lebih padu di masa hadapan.

ACADEMIC CALENDAR OCT 2024 - FEB 2025

IMPORTANT DATE

CLASS //

7 OCT 2024 - 26 JAN 2025

COURSE REGISTRATION

27 SEPT - 28 OCT 2024

COURSE VALIDATION PERIOD

1 - 17 NOV 2024

FEES PAYMENT DEFERRAL DEADLINE

25 NOV 2024

FEES PAYMENT DATELINE

29 NOV 2024

EXAMINATION PERIOD

3 - 23 FEB 2025

Source: UiTM Academic Calendar Session I 2024/2025 Semester October 2024 – February 2025 (2024)